

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes permohonan taraf kewarganegaraan yang diterima, dilulus dan ditolak oleh Kementerian sehingga kini dan apakah sebab penolakan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 15 Oktober 2020, sejumlah 42,315 permohonan kewarganegaraan di bawah pelbagai Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak 9,871 permohonan telah diluluskan dan dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Manakala, sebanyak 4,400 permohonan telah ditolak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan ke atas setiap permohonan kewarganegaraan adalah selaras dengan pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen. Ini adalah bagi memastikan kewarganegaraan Malaysia dianugerahkan kepada individu yang berkelayakan, berkualiti, mampu memberikan sumbangan signifikan kepada Negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.